



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

SIARAN SEGERA

SEKTOR PERKHIDMATAN BANCI EKONOMI 2023

Banci Ekonomi 2023 Menyerahkan Lonjakan Digital Yang Memartabatkan Sektor Perkhidmatan di Malaysia

PUTRAJAYA, 30 Julai 2024 – Pada tahun 2022, sektor Perkhidmatan Malaysia mengalami perubahan struktur yang ketara, dengan kemunculan industri potensi dan terdapat industri semakin menguncup yang mencerminkan arah aliran global yang lebih luas dan keutamaan domestik yang didorong oleh kemajuan teknologi dan pilihan pengguna yang berubah. Perubahan ini menggambarkan peralihan berterusan negara ke arah ekonomi perkhidmatan yang lebih digital dan bernilai tinggi. Walaupun berdepan dengan kesan pandemik COVID-19 dan ketidaktentuan ekonomi global, Banci Ekonomi 2023 (tahun rujukan 2022), yang melibatkan 1.2 juta pertubuhan di Malaysia, menunjukkan hampir semua aktiviti mencatatkan prestasi positif dalam pembolehubah utama yang diukur.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata, "Penemuan daripada Banci Ekonomi 2023 mendedahkan terdapat beberapa aktiviti dalam sektor Perkhidmatan mengalami kadar pertumbuhan yang lebih tinggi daripada purata, terutamanya didorong oleh kemajuan teknologi. Perkhidmatan telekomunikasi tanpa wayar mencatatkan kadar pertumbuhan

tahunan kompaun (CAGR) sebanyak 12.5 peratus, dan Perkhidmatan telekomunikasi satelit mencapai CAGR sebanyak 10.8 peratus. Aktiviti ini menyaksikan pertumbuhan pesat selaras dengan kemajuan teknologi, membawa kepada perubahan ketara dalam operasi perniagaan dan gaya hidup masyarakat.”

Kemajuan teknologi telah mendorong lonjakan dalam aktiviti jual beli dalam talian, yang secara signifikan memberi impak ketara kepada pertumbuhan bilangan pertubuhan Pos dan kurier. Bilangan pertubuhan dalam subsektor ini meningkat sebanyak 20.3 peratus, daripada 690 pada 2015 kepada 2,511 pada 2022. Pertumbuhan ini didorong oleh penggunaan meluas platform e-dagang, yang telah merevolusi aktiviti peruncitan. Pengguna semakin memilih kemudahan membeli-belah dalam talian, membawa kepada permintaan yang pesat untuk perkhidmatan penghantaran yang cekap. Kebangkitan gergasi e-dagang dan banyak perniagaan dalam talian kecil dan sederhana telah mewujudkan pasaran yang rancak untuk perkhidmatan pos dan kurier, bagi memastikan penghantaran barang yang pantas ke seluruh negara.

Peningkatan dalam pertubuhan Pendidikan rendah swasta menggariskan penekanan Malaysia yang semakin meningkat terhadap pendidikan berkualiti. Bilangan pertubuhan ini bertumbuh 13.1 peratus secara tahunan, meningkat daripada 141 pada 2015 kepada 334 pada 2022. Lonjakan ini didorong oleh permintaan ibu bapa untuk peluang pendidikan yang lebih baik, sokongan oleh dasar kerajaan dan keutamaan kepada kurikulum yang diiktiraf di peringkat global. Selain itu, sekolah swasta berada di barisan hadapan dalam mengintegrasikan teknologi ke dalam bilik darjah, menyediakan persekitaran pembelajaran moden. Pertumbuhan ekonomi dan proses urbanisasi juga telah menyumbang kepada peningkatan permintaan untuk pendidikan swasta, khususnya di kawasan bandar.

Dato' Sri Dr Mohd Uzir menambah, "Perkhidmatan bangunan & landskap juga mencatatkan pertumbuhan dua angka, dengan peningkatan 12.0 peratus dalam tempoh tujuh tahun, disokong oleh peningkatan dalam pertubuhan perniagaan. Selanjutnya, banci pada kali ini liputan industri dalam subsektor Penginapan telah diperluaskan dengan memasukkan aktiviti homestay tidak formal, sebanyak 9,096 pertubuhan yang dilapor beroperasi pada tahun 2022. Perkembangan ini mencerminkan peningkatan populariti inap desa dalam kalangan pelancong yang mencari pengalaman percutian yang unik dan lebih peribadi. Peningkatan dalam *homestay* bukan sahaja menyediakan pengunjung dengan penginapan yang lebih intim dan dipenuhi kepelbagaian budaya tetapi juga menyumbang kepada variasi pilihan penginapan yang terdapat di Malaysia. *Homestay* menawarkan layanan yang berbeza, sering memberi kebenaran kepada pelancong untuk berhubung lebih mendalam dengan adat, tradisi dan kehidupan seharian tempatan, yang meningkatkan pengalaman perjalanan keseluruhan mereka dan menyokong ekonomi tempatan."

Ketua Perangkawan turut menyatakan bahawa kemajuan teknologi telah menyumbang kepada penurunan bilangan pertubuhan dalam aktiviti tertentu. Sebagai contoh, pembaikan & penyelenggaraan VCD/DVD menyaksikan CAGR sebanyak -15.8 peratus, Jualan runcit rekod muzik, pita audio, cakera padat, kaset, pita video, VCD & DVD mengalami CAGR sebanyak -7.7 peratus, Pita video sewaan, rekod vinil, CD & DVD merosot sebanyak -11.8 peratus, dan Kafe siber mencatatkan CAGR sebanyak -15.9 peratus. Peningkatan dalam langganan jalur lebar dan kemunculan perkhidmatan langganan dalam talian telah mengurangkan permintaan untuk aktiviti ini, menjadikannya kurang relevan hari ini.

Secara keseluruhannya, Banci Ekonomi 2023 mendedahkan bahawa sektor Perkhidmatan menyaksikan peningkatan ketara dalam bilangan pertubuhan aktif, meningkat daripada 818,317 pada 2015 kepada 951,862 pada 2022,

mencerminkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 2.2 peratus. Pada 2022, subsektor utama adalah Perdagangan borong & buncit dengan 475,566 pertubuhan (50.0%), Makanan & minuman dengan 136,453 pertubuhan (14.3%) dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti dengan 64,503 pertubuhan (6.8%) seperti ditunjukkan di **Paparan 1**.

Selangor merekodkan bilangan pertubuhan tertinggi dalam sektor Perkhidmatan dengan 232,206 pertubuhan (24.4%), diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dengan 130,089 pertubuhan (13.7%) dan Johor dengan 108,159 pertubuhan (11.4%). Ketiga-tiga negeri ini merupakan hab ekonomi utama, menarik banyak perniagaan disumbangkan oleh lokasi yang strategik, kemudahan infrastruktur dan saiz pasaran.

Sementara itu, nilai output kasar sektor Perkhidmatan meningkat 5.7 peratus, daripada RM1.0 trilion pada 2015 kepada RM1.4 trilion pada 2022. Penyumbang utama kepada nilai ini ialah Perdagangan borong & runcit dengan RM486.2 bilion (34.1%), Maklumat & komunikasi dengan RM190.1 bilion (13.3%), dan Kewangan dengan RM172.0 bilion (12.1%) seperti di **Paparan 2**.

Dari segi nilai ditambah yang ditunjukkan di **Paparan 3**, sektor Perkhidmatan menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 6.0 peratus pada 2022, berjumlah RM779.4 bilion berbanding RM518.7 bilion pada 2015. Sumbangan tertinggi adalah daripada Perdagangan borong & runcit sebanyak RM299.7 bilion (38.5%), Kewangan RM110.1 bilion (14.1%) dan Maklumat & komunikasi RM102.7 bilion (13.2%).

W. P. Kuala Lumpur mencatatkan nilai ditambah tertinggi dalam sektor Perkhidmatan, berjumlah RM280.0 bilion (35.9%), diikuti Selangor dengan RM261.5 bilion (33.6%) dan Johor dengan RM47.7 bilion (6.1%). Sumbangan

signifikan oleh W. P. Kuala Lumpur dan Selangor mencerminkan status negeri tersebut sebagai hab ekonomi utama, menarik pelaburan yang besar dan menjadi hub kepada banyak industri perkhidmatan yang bernilai tinggi.

Subsektor Maklumat & komunikasi (ICT) telah menjadi tunjang kepada pertumbuhan ini, mencerminkan kepesatan dalam ekonomi digital. Ketersediaan dan kebolehcapaian kepada internet berkelajuan tinggi yang meluas telah meningkatkan ketersambungan digital, membantu dalam pertumbuhan perkhidmatan dan platform atas talian. Ledakan e-dagang telah mendorong permintaan untuk kaedah pembayaran secara digital dan logistik, mewujudkan timbalbalas yang mendesak terhadap keperluan untuk penyediaan infrastruktur ICT yang maju. Perniagaan merentas pelbagai industri telah menggunakan teknologi digital untuk meningkatkan kecekapan operasi, menambah baik pengalaman pelanggan dan memacu inovasi. Dasar kerajaan yang menyokong yang menggalakkan celik digital, mengembangkan infrastruktur ICT dan menggalakkan perintis teknologi telah menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan sektor ini. Kemajuan dalam telekomunikasi tanpa wayar dan satelit telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan ketersambungan, penting untuk menyokong ekonomi digital yang sedang berkembang. Perkembangan ini telah meletakkan subsektor ICT sebagai pemacu penting pertumbuhan ekonomi, membolehkan Malaysia bersaing dalam ekonomi digital global dan membuka jalan bagi kemajuan selanjutnya dalam teknologi dan inovasi.

Beralih kepada prestasi bilangan pekerja, sektor Perkhidmatan merekodkan seramai 5,831,864 orang pekerja pada tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 1,033,787 orang berbanding 4,798,077 orang yang direkodkan pada 2015. Subsektor penyumbang utama gunatenaga ialah Perdagangan borong & runcit dengan 2,171,513 orang (37.2%), Makanan & minuman 1,079,843 orang (18.5%), dan Pengangkutan & penyimpanan dengan 475,831 orang (8.2%). Guna tenaga

yang tinggi dalam subsektor tersebut mencerminkan jangkauan luas dan peranan asas mereka dalam rantaian aktiviti ekonomi harian.

Selangor mencatatkan bilangan pekerja tertinggi dalam sektor Perkhidmatan dengan 1,585,500 orang (27.2%), diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur dengan 1,334,282 orang (22.9%) dan Johor dengan 555,229 orang (9.5%) (**Paparan 4**). Ketiga-tiga negeri tersebut bukan sahaja berfungsi sebagai hab perniagaan tetapi juga menawarkan peluang pekerjaan yang mencukupi kerana kepelbagaian ekonomi dan potensi pertumbuhan mereka.

Bagi gaji dan upah, sektor Perkhidmatan mencatatkan RM204.4 bilion pada 2022, meningkat 6.5 peratus berbanding RM131.6 bilion pada 2015. W.P. Kuala Lumpur mencatatkan gaji dan upah tertinggi berjumlah RM67.1 bilion (32.8%), diikuti Selangor dengan RM65.1 bilion (31.8%) dan Johor dengan RM15.7 bilion (7.7%). Purata gaji bulanan dalam sektor Perkhidmatan ialah RM3,493, dengan W.P. Kuala Lumpur merekodkan purata gaji bulanan tertinggi sebanyak RM4,514, diikuti Selangor RM3,775 dan W.P. Putrajaya RM3,274.

Nilai aset tetap dalam sektor Perkhidmatan meningkat 4.4 peratus daripada RM0.9 trilion pada 2015 kepada RM1.2 trilion pada 2022. Penyumbang utama kepada nilai aset tetap ialah Kewangan dengan RM314.8 bilion (25.8%), Elektrik, Bekalan Gas, Stim & Penyamanan Udara dengan RM210.4 bilion (17.3%), dan Pengangkutan & Penyimpanan dengan RM204.9 bilion (16.8%) seperti di **Paparan 5**.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
30 JULAI 2024**

**Paparan 1: Bilangan Pertubuhan Mengikut Subsektor Perkhidmatan,
2015 & 2022**



Paparan 2: Nilai Output Kasar mengikut Top 3 Subsektor, 2015 & 2022

PERKHIDMATAN



2022: RM1.4 trillion
2015: RM1.0 trillion

CAGR: 5.7%



Perdagangan Borong & Runcit

RM486.2b (34.1%)
2015: RM306.6b
CAGR: 6.8%



Maklumat & Komunikasi


RM190.1b (13.3%)
2015: RM124.6b
CAGR: 6.2%




Kewangan

RM172.0b (12.1%)
2015: RM122.4b
CAGR: 5.0%


Paparan 3: Nilai Ditambah Mengikut Subsektor Perkhidmatan, 2015, 2022



Paparan 4: Bilangan Pekerja Mengikut Negeri, 2015,2022



Paparan 5: Nilai harta tetap mengikut subsektor Perkhidmatan 2022





MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

IMMEDIATE RELEASE

SERVICES SECTOR ECONOMIC CENSUS 2023

Economic Census 2023 Highlights Digital Surge boosting Malaysia's Services Sector

PUTRAJAYA, July 30, 2024 – In 2022, Malaysia's Services sector underwent significant structural changes, with emerging and fading industries reflecting broader global trends and domestic priorities driven by technological advancements and evolving consumer preferences. These changes illustrate the country's ongoing transition towards a more digital and high-value service economy. Despite grappling with the effects of the COVID-19 pandemic and global economic uncertainties, the Economic Census 2023 (reference year 2022), involving 1.2 million establishments in Malaysia, showed that almost all activities recorded positive performance in the main variables measured.

Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said, "Findings from the Economic Census 2023 revealed that several activities in the Services sector experienced higher-than-average growth rates, primarily driven by technological advancements. Wireless telecommunications services recorded a compound annual growth rate (CAGR) of 12.5 per cent, and Satellite telecommunications services achieved a CAGR of 10.8 per cent. These activities saw rapid growth in line with technological progress, leading to significant changes in business operations and societal lifestyles."

Technological advancements have fuelled a surge in online buying and selling activities, significantly boosting growth in Postal & courier establishments. The number of establishments in this sub-sector grew by 20.3 per cent, from 690 in 2015 to 2,511 in 2022. This growth is driven by the widespread adoption of

e-commerce platforms, which have revolutionized retail. Consumers increasingly prefer the convenience of online shopping, leading to a booming demand for efficient delivery services. The rise of e-commerce giants and numerous small and medium-sized online businesses has created a vibrant market for postal and courier services, ensuring swift delivery of goods across the country.

The rise in Private primary education establishments underscores Malaysia's growing emphasis on quality education. The number of these establishments grew annually by 13.1 per cent, increasing from 141 in 2015 to 334 in 2022. This surge is driven by parental demand for better educational opportunities, supportive government policies, and a preference for globally recognized curricula. Additionally, private schools are at the forefront of integrating technology into the classroom, providing a modern learning environment. Economic growth and urbanization have also contributed to the increased demand for private education, particularly in urban areas.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir added, "Building & landscape services also recorded double-digit growth, with a 12.0 per cent increase over the seven-year period, supported by the rise in business establishments. Notably, the census has expanded industry coverage in the Accommodation sub-sector to include informal homestay activities, with an impressive 9,096 establishments reporting operations in 2022. This expansion reflects the growing popularity of homestays among tourists seeking unique and personalized travel experiences. The rise in homestays not only provides visitors with a more intimate and culturally immersive stay but also contributes to the diversification of accommodation options available in Malaysia. Homestays offer a different flavor of hospitality, often allowing tourists to connect more deeply with local customs, traditions, and everyday life, which enhances their overall travel experience and supports local economies."

The Chief Statistician also noted that technological advancements have contributed to the decline in the number of establishments in certain activities. For example, VCD/DVD repair & maintenance saw a CAGR of -15.8 per cent, Retail sales of music records, audio tapes, compact discs, cassettes, video tapes, VCDs, & DVDs experienced a CAGR of -7.7 per cent, Video tape rentals, vinyl records, CDs & DVDs declined by -11.8 per cent, and Cyber cafes saw a CAGR of -15.9 per cent. The increase in broadband subscriptions and the emergence of online subscription services have reduced demand for these activities, rendering them less relevant today.

Overall, the Economic Census 2023 revealed that the Services sector saw a notable increase in the number of active establishments, rising from 818,317 in 2015 to 951,862 in 2022, reflecting an annual growth rate of 2.2 per cent. In 2022, the leading sub-sectors were Wholesale & retail trade with 475,566 establishments

(50.0%), Food & Beverage with 136,453 establishments (14.3%), and Private services & other activities with 64,503 establishments (6.8%) as in **Exhibit 1**.

Selangor recorded the highest number of establishments in the Services sector with 232,206 establishments (24.4%), followed by W.P. Kuala Lumpur with 130,089 establishments (13.7%) and Johor with 108,159 establishments (11.4%). These regions are major economic hubs, attracting numerous businesses due to their strategic locations, infrastructure, and market size.

Meanwhile, the gross output value of the Services sector increased by 5.7 per cent, from RM1.0 trillion in 2015 to RM1.4 trillion in 2022. The top contributors to this value were Wholesale & retail trade with RM486.2 billion (34.1%), Information & communication with RM190.1 billion (13.3%), and Finance with RM172.0 billion (12.1%) as portrayed in **Exhibit 2**.

In terms of value added as shown in **Exhibit 3**, the Services sector increased significantly by 6.0 per cent in 2022, amounting to RM779.4 billion compared to RM518.7 billion in 2015. The highest contributions came from Wholesale & retail trade at RM299.7 billion (38.5%), Finance at RM110.1 billion (14.1%), and Information & communication at RM102.7 billion (13.2%).

W. P. Kuala Lumpur recorded the highest value added in the Services sector, amounting to RM280.0 billion (35.9%), followed by Selangor with RM261.5 billion (33.6%) and Johor with RM47.7 billion (6.1%). The significant contributions from W. P. Kuala Lumpur and Selangor reflect their status as major economic hubs, attracting substantial investment and hosting numerous high-value service industries.

The Information & communication (ICT) sub-sector has been a cornerstone of this growth, reflecting the rapid digitalization of the economy. The widespread availability and affordability of high-speed internet have boosted digital connectivity, facilitating the growth of online services and platforms. The explosion of e-commerce has driven demand for digital payment solutions and logistics, creating a ripple effect that increases the need for advanced ICT infrastructure. Businesses across various industries are adopting digital technologies to enhance operational efficiency, improve customer experiences, and drive innovation. Supportive government policies promoting digital literacy, expanding ICT infrastructure, and encouraging tech startups have significantly contributed to the sector's growth. Advances in wireless and satellite telecommunications have played a crucial role in enhancing connectivity, essential for supporting the burgeoning digital economy. These developments have positioned the ICT sub-sector as a vital driver of economic growth, enabling Malaysia to compete in

the global digital economy and paving the way for further advancements in technology and innovation.

Looking at the performance of the number of persons engaged, the services sector recorded 5,831,864 persons in 2022, an increase of 1,033,787 persons compared to 4,798,077 persons in 2015. The top sub-sectors in employment were Wholesale & retail trade with 2,171,513 persons (37.2%), Food & beverage with 1,079,843 persons (18.5%), and Transportation & storage with 475,831 persons (8.2%). The high employment in these sub-sectors reflects their extensive reach and fundamental role in daily economic activities.

*Selangor recorded the highest number of persons engaged in the Services sector with 1,585,500 persons (27.2%), followed by W.P. Kuala Lumpur with 1,334,282 persons (22.9%) and Johor with 555,229 persons (9.5%) (**Exhibit 4**). These regions not only serve as business hubs but also offer ample employment opportunities due to their economic diversity and growth potential.*

For salaries and wages, the services sector recorded RM204.4 billion in 2022, an increase of 6.5 per cent compared to RM131.6 billion in 2015. W.P. Kuala Lumpur registered the highest salaries and wages amounting to RM67.1 billion (32.8%), followed by Selangor with RM65.1 billion (31.8%) and Johor with RM15.7 billion (7.7%). The average monthly salary in the Services sector was RM3,493 with W.P. Kuala Lumpur recording the highest average monthly salary of RM4,514, followed by Selangor at RM3,775 and W.P. Putrajaya at RM3,274.

*The value of fixed assets in the Services sector increased by 4.4 per cent from RM0.9 trillion in 2015 to RM1.2 trillion in 2022. The main contributors to the value of fixed assets were Finance with RM314.8 billion (25.8%), Electricity, gas, steam & air conditioning supply with RM210.4 billion (17.3%), and Transportation & storage with RM204.9 billion (16.8%) as illustrated in **Exhibit 5**.*

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agriculture Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life.” DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
30 JULY 2024**

Exhibit 1: Number of Establishments by Services Sub-sector, 2015 & 2022




Exhibit 2: Value of Gross Output by Top 3 Sub-sectors, 2015 & 2022




Exhibit 3: Value Added by Services Sub-sector, 2015 & 2022 (RM billion)




Exhibit 4: Number of persons engaged by State 2015 & 2022




Exhibit 5: Value of Fixed Assets by Services Sub-sector 2022

